

**Negara kebajikan Umno-BN adalah rasuah untuk menang pilihan raya, kata Hadi**  
**The Malaysian Insider**  
**21 Februari , 2012**  
**Oleh Syed Mu'az Syed Putra**

KUALA LUMPUR, 21 Feb — Dilihat sebagai usaha memperjelaskan kepada rakyat, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menegaskan konsep negara berkeadilan PAS berbeza dengan negara kebajikan Umno sambil menyifatkan konsep dibawa parti Melayu terbesar melalui Barisan Nasional (BN) berteraskan rasuah untuk memenangi pilihan raya.

Dalam tulisan terbaru di Harakahdaily, Presiden PAS ini berkata PAS berpegang kepada negara berkeadilan berasaskan Islam sementara Umno-BN pimpinan Datuk Seri Najib Razak berteraskan teori sekularisme.

“Masih ramai yang terkeliru sehingga tidak faham perbezaan di antara negara berkeadilan dan negara kebajikan.

“Negara berkeadilan Islam tidak sama dengan negara kebajikan yang diamalkan di negara barat, kerana perbezaan prinsip, konsep dan matlamatnya berteraskan teori sekularisme yang berwawasan sekadar dunia sahaja seperti wawasan 2020,” katanya.

Jelas beliau (gambar), konsep negara berkeadilan yang ditawarkan parti itu meliputi semua aspek kehidupan termasuk politik, ekonomi dan sosial yang berteraskan Islam tanpa mengetepikan masyarakat bukan Islam.

“Negara kebajikan memisahkan urusan negara daripada agama sama ada secara total atau terpilih dan tanpa perhitungan halal dan haram serta dosa dan pahala. Selepas melakukan berbagai salah laku dan dosa, boleh hilang dengan pergi haji dan umrah atau sembahyang Jumaat.

“Islam menjadikan kebajikan tajuk umum kepada seluruh sifat kejadian manusia, melibatkan kehidupannya dalam hubungan dengan Tuhan, manusia dan seluruh alam. Bermula daripada dasar dan cara, sehinggalah matlamatnya,” katanya.

Pada Ogos lalu, PAS melancarkan Buku Konsep Negara Berkeadilan tulisan Hadi, dilihat menjawab kritikan pemimpin-pemimpin Umno sejak Hadi menghuraikan perkara itu dalam ucapannya pada muktamar tahunan Jun lalu.

PAS juga menggunakan tema itu dalam manifesto mereka pada pilihan raya umum 2008.

Konsep negara berkeadilan diperkenalkan Hadi semasa ucapan dasar presiden pada muktamar parti itu Jun tahun lalu.

Tegas Hadi, negara kebajikan Umno-BN merupakan kebajikan berbentuk rasuah untuk pilihan raya menambah masalah itu kini berada di tahap yang sukar untuk dibendung.

“Negara kebajikan BN berteraskan Umno melaksanakan kebajikan berunsurkan rasuah untuk pilihan raya. Ini kerana acuan kepimpinannya dibarahi rasuah dalam pemilihan di semua peringkat dan mendapat undi pilihanraya juga dengan rasuah.

"Negara terus dibanjiri kemungkaran dan jenayah yang tidak mampu dihapuskan," kata Ahli Parlimen Marang ini.

Berlainan dengan PAS, kata bekas menteri besar Terengganu ini, parti pimpinannya tetap berpegang kepada asas perjuangan dan tidak akan bertolak ansur terhadap perkara yang bertentangan dengan Islam.

"PAS tetap istiqamah dengan pegangan dasar, konsep dan matlamat perjuangan ketika bersama BN sejak awal tahun tujuh puluhan dan dikeluarkan daripada BN di akhirnya dan bersama Barisan Alternatif (BA) sejak tahun 1999 sehingga DAP keluar daripada BA dan masuk semula selepas itu.

"PAS juga tetap setia dan ikhlas dengan ikatan janjinya dengan sesiapa sahaja dan wajib menunjukkan contoh khusus kepada pihak bukan Islam dengan berpegang teguh dengan pesanan Rasulullah," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/negara-kebajikan-umno-bn-ada-lah-rasuah-untuk-menang-pilihan-roya-kata-hadi/>